



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)

2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan perbezaan di antara kontrak perkhidmatan dengan kontrak untuk perkhidmatan berserta contoh.

(5 markah)

- b. Apakah kelemahan ujian kawalan?

(5 markah)

SOALAN 2

- a. Terangkan **tiga (3)** kewajipan majikan terhadap pekerjaanya.

(5 markah)

- b. Akta Kerja 1955 (AK) mentafrikkan upah di dalam seksyen 2. Huraikan **lima (5)** perkara yang terdapat di dalam kontrak perkhidmatan yang tidak termasuk di dalam perkara takrif upah.

(5 markah)

SOALAN 3

Jelaskan perbezaan di antara penempatan dengan kenaikan pangkat.

(10 markah)

SOALAN 4

a. Terangkan **lima (5)** kelayakan sebagai seorang Pengerusi Mahkamah Perhubungan Perusahaan.

(5 markah)

b. Encik Kamil telah bekerja selama 3 bulan di Syarikat Murni Sdn Bhd. En.Kamil telah dibuang kerja oleh majikannya dan beliau tidak tahu cara untuk membuat aduan. Huraikan **lima (5)** tatacara di mana pengadu boleh membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

(5 Markah)

SOALAN 5

a. Seksyen 13(3) Akta Perhubungan Perusahaan telah memperuntukan bahawa kesatuan sekerja pekerja-pekerja tidak dibenarkan untuk mencadangkan beberapa perkara semasa merundingkan perjanjian kolektif. Nyatakan mana-mana **lima (5)** perkara yang disebut di dalam seksyen 13(3).

(5 Markah)

b. Apakah **lima (5)** syarat pertukaran tempat kerja yang telah disarankan oleh Ghaiye di dalam bukunya Misconduct in Employment?

(5 Markah)

SOALAN 6

a. Nyatakan **lima (5)** peranan kesatuan sekerja beserta contoh.

(10 Markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Encik Atan telah bekerja dari 8 pagi hingga 7 petang pada Hari Pekerja. Waktu biasa ialah daripada jam 7 pagi hingga ke jam 5 petang. Gaji bulanan Encik Atan ialah RM11,820.
- i. Kirakan gaji yang harus diterima oleh Encik Atan pada hari Pekerja berkenaan? (7 markah)
- ii. Kirakan jumlah bayaran gaji yang diperoleh oleh Encik Atan pada bulan tersebut? (3 markah)
- b. Puan Halimah merupakan seorang pekerja wanita yang dilindungi oleh undang-undang di bawah oleh Seksyen 34, Akta Kerja 1955. Huraikan kegiatan perusahaan yang boleh dikaitkan dengan larangan di bawah Seksyen 34 ini. (10 markah)

SOALAN 2

- a. Zamani telah di gantung tugas selama dua minggu kerana telah melakukan kesalahan dalam organisasi. Terangkan **lima (5)** kategori salah laku pekerja berserta contoh

(10 markah)

- b. Setiap majikan akan sentiasa berhati-hati berikutan pelbagai kes salah laku dalam organisasi. Sebagai majikan, hak untuk membuat siasatan domestik perlu dilakukan. Lukiskan carta alir dan terangkan prosedur pelaksanaan siasatan domestik.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Pada 1994, kegawatan ekonomi telah berlaku. Banyak organisasi telah melaksanakan "Retrenchment", iaitu salah satu kaedah untuk mengurangkan jumlah pekerja. Pelbagai perubahan telah dilaksanakan sehingga menyebabkan timbul masalah dalam organisasi. Ketidakpuasan di hati pekerja juga telah menimbulkan pelbagai kes di dalam organisasi.. Huraikan **lima (5)** prinsip pengurangan pekerja yang telah di gariskan oleh pihak mahkamah yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada pekerja.

(10 Markah)

- b. Apakah perbezaan di antara "Peletakan Jawatan" dengan "Persaraan"?

(10 Markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT